

BULETIN ICT

Bil. 2 / 2019
(OGOS)

1. Aplikasi Pengukuran AR
2. Tips&Trick: Kekunci Pantas Windows
3. Kesan Buruk Hard Reset
4. IoT: Soket Elektrik Wifi
5. Q&A: DuitNow
6. 8 Aplikasi Peringatan Android
7. 5 Helpful Ways You Can Use GOOGLE KEEP, Google's Versatile Note-Taking App

PENAUNG

ENCIK MOHD ZUKI BIN MOHD ZAIN

KETUA EDITOR

ENCIK MOHD HAIRIL BIN MHD ALI

REKA BENTUK

ENCIK MOHD SHARIZA AIZAT BIN AZMAN

SUMBANGAN BAHAN

ENCIK SUBRAMANI A/L PAIDUTHALY

ENCIK ANNUR HADI BIN HASHIM

ENCIK MOHD SURIZALMAN BIN MOHD ZAIN

PUAN NOR FAZILLAH BINTI MOHD MASRI

ENCIK MUHAMMAD ARIB BIN SHAMSHIR

PUAN IZZIANA BINTI BAHADUN

ENCIK RAMLEE BIN ATAN


 **Ministry of Transport Malaysia**

 **@ministryoftransportmy**

 **@MOTMalaysia**

 **Ministry of Transport, Malaysia**

APLIKASI + PENGUKURAN BERASASKAN AUGMENTED REALITI (AR)




Penggunaan aplikasi telefon pintar semakin meluas dan semakin dekat dengan aktiviti-aktiviti harian manusia. Selain daripada ruang sembang, permainan atas talian, tempahan perkongsian kenderaan, tempahan makanan dan lain-lain, kini sudah ada *mobile apps* untuk memudahkan kerja pengukuran objek seperti menggunakan pita pengukur.

Aplikasi Android **Google Measure** adalah aplikasi pengukuran dengan konsep *augmented reality* dibina berasaskan perisian ARCore oleh Google. Pengguna hanya perlu menunjukkan kamera pada sesuatu objek untuk mendapatkan bacaan jarak dan sudut objek tersebut.



Penggunaan aplikasi ini akan pasti ditambah baik dari semasa ke semasa memandangkan penggunaannya yang sangat praktikal. Aplikasi ini memudahkan kerja pengukuran jarak dan tinggi sesuatu objek dengan hanya melalui skrin sesentuh telefon pintar.

Bagi pengguna Apple Iphone, AirMeasure adalah aplikasi yang boleh digunakan untuk fungsi yang sama.




**KEKUNCI
PANTAS**

(WINDOWS)

[1] Windows + E

Membuka Windows Explorer





[2] Windows + P

Menu Projector (Windows 10)


[3] Windows + Tab

Membuka Windows Timeline (Windows 10)



[4] Windows + Break/Pause

Membuka Windows Properties




KESAN BURUK MENUTUP LAPTOP/KOMPUTER TANPA SHUTDOWN



Mesti ada di antara anda yang suka tutup komputer/laptop tanpa tekan butang Shut Down atau Turn Off terlebih dahulu bukan? Yaa. memang ada, ini kerana disebabkan malas hendak menunggu proses shut down yang mengambil masa. Tetapi tahukah anda, ada kesan buruk jika tutup komputer/laptop tanpa shutdown komputer. Kesan

buruk menutup computer tanpa klik butang *shutdown* adalah seperti berikut;



- 1 Kehilangan data pada registry dimana semasa komputer dalam proses pengendalian atau masih beroperasi, komputer akan mendaftar atau registry komponen komputer yang tersedia ada atau pun applikasi yang telah digunakan, ini akan mengakibatkan komponen atau aplikasi tidak dapat disimpan pada registry, ianya akan mengakibatkan sistem recovery tidak berfungsi sebaiknya.
- 2 Akan mengurangkan jangka hayat komponen komputer dimana semasa komputer dishutdown unit pemprosesan atau pun processor memberi arahan kepada bios untuk memberhentikan segala kerja komponen yang terdapat, ianya jugak mengawal arus keluar masuk pada komponen, jika anda mematikan komputer dengan arus tidak betul lama kelamaan komponen anda akan cepat rosak.
- 3 Processor akan mudah rosak dimana semasa shutdown bios akan memainkan peranan penting bagi mematikan fan cooler pada processor, jika ianya dimatikan secara mengejut maka tersentak processor.
- 4 Memory mudah rosak dimana semasa shutdown sistem memory atau cache akan dikosongkan, ianya akan mengakibatkan kerosakan pada memory.
- 5 Hard disk rosak dimana jika sistem operasi tidak ditutup secara shutdown dan betul mengikut langkah, makan berkemungkinan cakera yang terdapat pada hard disk mudah rosak, kerana bekalan arus terdapat dimatikan secara mengejut, head atau kepala hard disk akan cepat rosak.

SUMBER: Infotech Computer Centre (infotech.my)

[IoT IN ACTION]

Soket Elektrik WiFi

IoT ialah singkatan kepada Internet of Things. Topik ini semakin popular di zaman kepesatan teknologi sekarang. Di mana-mana kini orang akan bercakap tentang IoT.

Ia adalah satu konsep di mana peralatan, mesin, sensor dan peranti dihubungkan dengan internet dan berlaku pengumpulan dan perpindahan data menerusi rangkaian.

Salah satu peralatan elektrik yang digunapakai dengan konsep IoT dan mudah didapati dipasaran kini adalah Soket Elektrik Wifi. Soket elektrik ini membolehkan pengguna membuka dan menutup suis peralatan elektrik dengan hanya menggunakan *mobile apps*.

Ini bermakna pengguna boleh mengawal suis elektrik daripada jauh. Ini kerana soket elektrik ini boleh dihubungkan dengan rangkaian internet wifi di rumah, seterusnya membolehkan ia dikawal melalui *mobile apps*.



Aplikasi penggunaan soket ini memudahkan pengguna dalam pelbagai keadaan. Contohnya, pengguna dapat menyemak status suis elektrik sedang terpasang atau tidak secara *remote*. Selain daripada itu, pengguna juga dapat membuka sebarang peralatan elektrik sebelum sampai di rumah, semasa mereka dalam perjalanan pulang ke rumah.

Oleh itu, bermacam-macam lagi aplikasi yang boleh digunakan menggunakan perkakas yang dilengkapi IoT ini yang akan memberikan banyak kebaikan, kemudahan seterusnya menjadikan hidup lebih produktif.





Apakah itu DuitNow?

DuitNow adalah sebuah perkhidmatan atas talian (online) yang membolehkan pelanggan bank tempatan di Malaysia melakukan transaksi nirtunai (cashless) dengan hanya menggunakan *DuitNow ID* dan tidak perlu menggunakan nombor akaun bank. Perkhidmatan DuitNow ini telah dibangunkan oleh Paynet.

Apakah pula DuitNow ID?


DuitNow ID adalah nombor dokumen pengenalan yang dijadikan rujukan untuk digunakan dalam transaksi nirtunai dalam servis DuitNow. Antara nombor pengenalan yang boleh digunakan dalam transaksi DuitNow adalah nombor telefon bimbit, nombor pengenalan tentera atau polis, nombor passport, dan nombor pendaftaran perniagaan. Ini bermakna anda telah kurang satu nombor rujukan untuk diingati.

Siapakah PayNet?

Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) adalah sebuah syarikat pembangun sistem pembayaran bertaraf dunia yang bertanggungjawab membangunkan perkhidmatan DuitNow. PayNet Group terdiri daripada 2 buah anak syarikat utama iaitu Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS) dan MEPS Currency Management Sdn Bhd (MCM). Bank Negara Malaysia (BNM) adalah pemegang saham terbesar PayNet, selain daripada pemegang saham bersama 11 bank tempatan di Malaysia. PayNet adalah syarikat pembangun system yang sama membangunkan JomPAY, MyDebit, FPX, dan GIRO, iaitu sistem pembayaran yang digunakan secara meluas oleh rakyat Malaysia kini. Maka, perkhidmatan DuitNow ini bukanlah satu scam dan ia boleh diyakini selamat..







Bank apakah yang menyediakan perkhidmatan DuitNow?

Hampir kesemua perkhidmatan perbankan atas talian bank-bank utama di Malaysia menyediakan perkhidmatan DuitNow untuk digunakan oleh pelanggan-pelanggan mereka, seperti dibawah;



Bagaimana menggunakan DuitNow?

Ia adalah sangat mudah dengan aplikasi peranti mudah alih (mobile apps);

<p>1. Log masuk ke dalam aplikasi perbankan.</p> 	<p>2. Pilih <i>Transfer</i> dan seterusnya pilih <i>Transfer via DuitNow</i>.</p> 	<p>3. Pilih jenis akaun untuk pemindahan.</p> 
<p>4. Klik <i>NEW TRANSFER</i> dan aplikasi akan paparkan <i>Address book</i> untuk pilih penerima.</p> 	<p>5. Aplikasi akan paparkan nama penuh penerima dan masukkan jumlah untuk dipindahkan.</p> 	<p>6. Seterusnya sahkan pemindahan, dan kongsi resit bukti pembayaran dengan klik <i>Share my Receipt</i> jika perlu.</p> 

8 APLIKASI PERINGATAN ANDROID

1. WAKTU SOLAT MALAYSIA



Waktu Solat Malaysia

Murad Mohd Zain Lifestyle

★★★★★ 112,700

3+

Contains Ads

This app is compatible with your device.

Add to Wishlist

Install

Aplikasi ini mudah digunakan dan sumber rujukan adalah merujuk kepada portal e-solat jakim. Aplikasi ini bukan sekadar memaparkan waktu solat dan memberitahu waktu solat seterusnya, ia juga mengandungi fungsi mencari arah kiblat dan calendar hijriah. Memudahkan dan ianya percuma.

2. Life Reminders



Life Reminders

Cameleo-tech Productivity

★★★★★ 32,039

3+

Contains Ads

This app is compatible with your device.

Add to Wishlist

Install

Aplikasi ini adalah salah satu aplikasi peringatan mudah. Ia membolehkan anda menetapkan tugas harian dengan tarikh akhir tugas perlu dilaksanakan. Aplikasi ini akan mengingatkan anda apabila tiba masanya untuk melakukannya. Ia juga boleh menetapkan panggilan telefon atau menghantar mesej SMS / teks pada jadual. Tugas yang di tetapkan boleh diulang pada jadual harian, mingguan atau bulanan. Selain itu, aplikasi menyokong tujuh bahasa, dan banyak lagi. Yang penting ianya percuma.

3. Break Reminder



Break Reminder

TheBigMom Health & Fitness

★★★★★ 375

3+

Contains Ads - Offers in-app purchases

This app is compatible with your device.

Add to Wishlist

Install

Break Reminder adalah Aplikasi yang membantu meningkatkan kesihatan anda dengan mengingatkan anda untuk berehat dari kerja pada selang masa peribadi. Aplikasi ini sesuai untuk pekerja yang workaholic. Aplikasi ini menggunakan nada dering dan mesej untuk mengingatkan anda untuk bangun dan berehat, dan juga mengingatkan anda untuk kembali

bekerja juga. Tujuan di sebalik aplikasi adalah untuk menghalang pengguna menekan kehidupan mereka dengan kerja yang berterusan.

4. Water Drink Reminder



Water Drink Reminder

Editors' Choice

Leap Fitness Group Health & Fitness

★★★★★ 553,827

3+

Contains Ads · Offers in-app purchases

This app is compatible with your device.

Add to Wishlist

Install

Aplikasi ini menggalakkan orang ramai untuk minum air yang dengan cara yang betul dalam sehari, dan bahagian yang terbaik adalah, ia percuma. Aplikasi ini meminta anda mengisi berat badan anda dan kemudian menentukan berapa banyak air secara klinikal disyorkan untuk anda minum dalam sehari. Aplikasi ini kemudian, menghantar anda peringatan tetap untuk minum air sepanjang hari, sehingga anda telah mencapai kuota yang ditetapkan. Aplikasi ini sangat user-friendly. Perkara yang hebat tentang Aplikasi ini adalah bahawa ia tidak akan nag sepanjang hari dan malam, anda boleh menetapkan tempoh masa apabila anda terjaga dan peringatan akan hanya buzz pada masa itu.

5. Lifesum



Lifesum - Diet Plan, Macro Calculator & Food Diary

Editors' Choice

Lifesum Health & Fitness

★★★★★ 204,922

3+

Offers in-app purchases

This app is compatible with your device.

Add to Wishlist

Install

LifeSum adalah Aplikasi gaya hidup sihat yang tidak boleh diabaikan. Aplikasi ini menghantar anda peringatan untuk minum air secara teratur tetapi tumpuannya bukan hanya untuk penggunaan air tetapi pada keseluruhan kesihatan yang lebih baik. Selepas meminta ketinggian anda, berat badan jantina dan umur anda dibawa ke buku harian di mana semua yang anda makan dan minum dikesan dengan tepat. Anda juga boleh menjejaki keuntungan / kehilangan berat badan anda melalui menjejaki pengukuran badan anda. Aplikasi ini juga memaklumkan anda tentang skor kesihatan dan memberi anda cadangan untuk meningkatkan gaya hidup anda.

6. **Sleep Cycle**



Sleep Cycle: Sleep analysis & Smart alarm clock

Sleep Cycle AB Health & Fitness

★★★★★ 88,152

3+

Offers in-app purchases

This app is compatible with your device.

Aplikasi ini sangat luar biasa dan berkesan kerana ia mengukur tidur anda dengan menggunakan pecutan di telefon anda dan kemudian menggunakan maklumat ini untuk membangunkan anda pada fasa paling ringan tidur anda (dalam masa 30 minit waktu penggera yang ditetapkan) supaya anda tidak pernah bangun sebelah yang salah dari katil lagi!

7. **Medisafe med**



Pill Reminder & Medication Tracker - Medisafe

Medisafe® Medical

★★★★★ 188,168

3+

Offers in-app purchases

This app is compatible with your device.

Medisafe Meds adalah Aplikasi yang boleh dipercayai yang membolehkan anda dengan mudah mendokumenkan semua ubat-ubatan anda dan seterusnya menerima peringatan untuk makan ubat dan bila untuk ambil dos seterusnya. Medisafe Meds membolehkan anda menyambung ke doktor dengan mudah, mempromosikan kesihatan yang lebih baik dan juga membolehkan anda menjejaki tahap tekanan darah dan glukosa untuk memastikan ubat-ubatan anda berfungsi seperti yang diharapkan.

8. **Cuco**



CUCO Health: Meds & Pill Reminder

Cuco Health Health & Fitness

★★★★★ 3,799

3+


This app is compatible with your device.

Cuco adalah aplikasi pengesanan ubat komprehensif yang bukan sahaja mengingatkan anda untuk mengambil pil anda tetapi juga memberi isyarat kepada anda apabila ubat anda berakhir sehingga anda mempunyai masa untuk mengambil preskripsi baru. Cuco membolehkan anda mewujudkan kumpulan kesihatan dan menghantar makluman apabila anda atau ahli kumpulan anda lupa untuk mengambil ubat mereka.


5 Helpful Ways You Can Use **Google Keep**, Google's versatile note-taking app

Source : Google Business Insider
Article by : Izziana Bahadun (PPTM 4)


01 Google Keep Notes works exactly the same on every platform, from iOS to Android to its web app.




02 The interface is simple, lightweight, and visually appealing.



03 The organizational system is best described as controlled chaos.



04 The app includes premium features you normally have to pay for in other apps.



05 Keep can even have notes that act as reminders, which can be set to pop up on a specific date and time, or even based on a GPS location. Keep allows you to have collaborative or shared notes too.